



Perutusan

PRESIDEN PARTI BERSATU SABAH

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Cawangan dan Bahagian PBS di seluruh Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang telah berjaya mengadakan mesyuarat agung masing-masing tahun ini.

Saya amat menghargai usaha dan pengorbanan anda semua sebagai ahli PBS peringkat cawangan dan bahagian kerana telah melaksanakan tanggungjawab perlembagaan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan masing-masing dengan jayanya. Tanpa komitmen dan usaha anda sebagai ahli dan pemimpin parti, tidak mungkin Persidangan Perwakilan Tahunan PBS pada hari ini dapat diadakan.

PBS kini sudah berusia 23 tahun. Kita telah bersama selama ini mengharungi cabaran dan liku-liku perjuangan yang diwarnai dengan peristiwa pahit manis. Saya terharu dan berterima kasih kerana dalam suasana suka dan duka, anda terus berjuang bersama saya seiring sejalan bersama barisan kepimpinan PBS yang lain hingga ke hari ini. Ini membuktikan bahawa anda terus menghargai dan mencintai perjuangan parti. Oleh yang demikian, dengan rendah hati, dan penuh syukur kepada Tuhan yang Maha Esa, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada anda semua.

Namun perjalanan kita masih jauh kerana perjuangan kita masih belum selesai. Kita perlu meneruskan perjuangan ini untuk memastikan masa depan anak-anak kita terus terjamin. Kita telah mencapai kemajuan untuk membawa kestabilan politik dengan penyertaan kita ke dalam Barisan Nasional. Namun, kita masih perlu bekerja keras memastikan agenda perjuangan kita akan berhasil. Kita berterima kasih kepada kepimpinan Barisan Nasional kerana PBS kini menjadi Anggota Kabinet di peringkat Negeri dan Persekutuan dan mempunyai saluran istimewa untuk membawa masalah rakyat secara langsung kepada perhatian kepimpinan negara. Kita tidak hanya bersuara tetapi kita kini mempunyai peranan dalam menggubal dasar pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, cabaran yang bakal kita hadapi memerlukan kebijaksanaan dan ketabahan kita. Kini kita berhadapan dengan proses peralihan kepimpinan negara dalam bulan Mac tahun hadapan. Kita juga menghadapi cabaran politik dari pihak Pembangkang yang cuba menimbulkan keraguan dan kekeliruan. Oleh itu, kita perlu waspada dan terus bersatu dan memberi kerjasama yang padu kepada Barisan Nasional untuk memastikan peralihan kepimpinan negara berjalan dengan lancar.

Dunia juga sedang menghadapi krisis kewangan dan kemungkinan kemelut ekonomi yang genting. Sedikit sebanyak kesan krisis kewangan di Amerika Syarikat sudah dirasai di negara kita. Mujur sekali asas ekonomi kita kukuh dan masih dapat bertahan. Namun saya yakin, dengan kepimpinan negara yang bijak dan berpandangan jauh, dan dengan kerjasama rakyat yang bersatu padu, kita akan mengharungi kemelut ekonomi ini dengan selamat.

Sekian, terima kasih dan selamat bersidang.

YB DATUK SERTI PANG LIMA JOSEPH PAIRIN DATUK KITINGAN
Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS)